

Campuran masih lagi dipersoal

B.H. 21 MAY 1973

KUALA LUMPUR, Ahad.
— Kebanyakan ahli UMNO dan PAS peringkat bawah masih lagi mempersoalkan Kerajaan Campuran dan sentiasa berlawan umpama dua pasukan bolasepak yang sedang bertanding.

“Kepada mereka soal perpaduan tidak begitu mustahak tetapi apa yang mereka persoalkan ialah kepentingan parti masing-masing,” kata Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Dr. Mahathir, seorang anggota Majlis Kerja UMNO Malaysia, menyentuh perkara itu semasa merasmikan sidang perwakilan UMNO Bahagian Batu di Sekolah Agama Kampung Batu, pagi tadi.

Tak sedar

Katanya: “Mereka tidak sedar apakah kemenangan dari perjuangan itu akan menguntungkan orang Melayu yang mendukung mereka.

“Apa yang mereka mahu ialah kemenangan tanpa memikirkan kesan dari perjuangan itu dan adakah perjuangan itu akan dapat mengubah nasib orang Melayu.”